



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 03/2022

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN BAGI TAHUN 2022

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan. Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:-

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

1.1 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama:

Pemegang jawatan **Penolong Kerani Sulit** dalam tanggungaji D.3 EB.4-5 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.2 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Kedua:

Pemegang jawatan **Kerani Sulit** dalam tanggungaji C.1-2 EB.3 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.3 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Ketiga:

Pemegang jawatan **Setiausaha Sulit** dalam tanggungaji-tanggungaji BW.1 dan BW.2 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.4 Pemohon yang berhasrat menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut di atas hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di dalam Skim Perkhidmatan Kesetiausahaan Negara Brunei Darussalam.

2



2. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 2.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn ;
- 2.2 Pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan masing-masing terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

exam.hrsu@psd.gov.bn

- 2.3 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup. Tarikh-tarikh tutup adalah seperti di **Lampiran A** ;
- 2.4 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN**.

3. HAL – HAL LAIN

- 3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, Jadual Peperiksaan adalah tertakluk kepada perubahan ;
- 3.2 Nombor Indeks akan dimaklumkan melalui **e-mel** dan laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn.

Handwritten mark



4. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Rakyat Bersepadu Menjaga Kesihatan Bersama"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.5

Tarikh : 07 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

Muka surat 3/3



BORANG PERMOHONAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN

SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI

ARAHAN UMUM:

- i. Pastikan keterangan yang diberikan adalah lengkap dan teratur.
- ii. Pemohon **hendaklah** menyertakan **salinan kad pengenalan pintar**.
- iii. Pemohon yang **baru memohon** peperiksaan ini hendaklah menyertakan **salinan Surat Lantikan** jawatan pada masa ini.
- iv. **Pemohon yang menduduki semula peperiksaan yang gagal hendaklah menyertakan salinan slip keputusan tersebut.**
- v. Pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan **terus** ke Jabatan Perkhidmatan Awam kepada:

Unit Perkhidmatan Sumber Manusia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam

atau e-mel:

exam.hrsu@psd.gov.bn

- vi. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- vii. Bagi **permohonan yang terpilih**, maklumat mengenai nombor indeks, tempat dan jam peperiksaan akan dimaklumkan melalui **e-mel**.
- viii. **Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima TIDAK AKAN DILAYAN.**

Untuk diisikan oleh pemohon:

1. a) Nombor K/P : -

b) Warna : Kuning Merah

2. Jantina : Lelaki Perempuan

3. Nama pemohon (mengikut Kad Pengenalan Pintar) :

--

Nota: *Sila pastikan ejaan nama dan gelaran adalah betul dan lengkap untuk kegunaan penyediaan slip keputusan/sijil. Sebarang perubahan atau pembetulan tidak akan dilayan setelah slip keputusan/sijil dikeluarkan.*

4. a) Jawatan sekarang :

b) Tanggagaji :

c) Tarikh mula lantikan dalam tanggagaji sekarang :

d) Kementerian/Jabatan/ Sekolah tempat bertugas:

e) No.Telefon : Pejabat : Bimbit :

No. Fax :

f) E-mel:

Pemohon :	<input type="text"/>
-----------	----------------------

E-mel Unit/Jabatan Sumber Manusia atau Pentadbiran : <i>*Dikehendaki untuk mengisi</i>	<input type="text"/>
---	----------------------

5. Tandakan (✓) pada Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan yang dipilih dan petak-petak yang berkenaan sahaja:

PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN PERTAMA – PENOLONG KERANI SULIT	
--	--

Aliran Bahasa:

MELAYU	
--------	--

Ujian Kepantasan Trengkas 80 p.s.m

Ujian Kepantasan Menaip 40 p.s.m

Tarikh Peperiksaan

PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN KEDUA – KERANI SULIT	
---	--

Aliran Bahasa:

MELAYU	
--------	--

Ujian Kepantasan Trengkas 80 p.s.m-110 p.s.m

Ujian Kepantasan Menaip 45 p.s.m

Tarikh Peperiksaan

PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN KETIGA – SETIAUSAHA SULIT	
--	--

Aliran Bahasa:

MELAYU	
--------	--

Ujian Kepantasan Trengkas 110 p.s.m

Ujian Kepantasan Menaip 50 p.s.m

Tarikh Peperiksaan

6. Pengesahan pemohon :

Saya akui segala keterangan yang diberikan adalah benar.

.....
Tandatangan Pemohon

Tarikh :

**JADUAL PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN BAGI TAHUN 2022**

TARIKH	PERINGKAT	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TARIKH TUTUP PENERIMAAN BORANG
03 Jun 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Pertama	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	30 April 2022 Sabtu
10 Jun 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Kedua	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	
17 Jun 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Ketiga	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	

TARIKH	PERINGKAT	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TARIKH TUTUP PENERIMAAN BORANG
04 November 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Pertama	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	03 Oktober 2022 Isnin
11 November 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Kedua	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	
18 November 2022 Jumaat	Kesetiausahaan Ketiga	Melayu : Menaip Trenkas	8.30 pagi	

**** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.**

N